

# UMNO sedang buat analisa —

Dr. Mahathir

# KERJA SAMA PAS - DAP

**K**UALA LUMPUR 22 Jun — Barisan Nasional dan UMNO sedang membuat analisa untuk membuktikan bahawa PAS bekerjasama dengan DAP dalam pilihanraya umum 8 Julai ini, "semata-mata untuk memecahkan undi Melayu," kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, musuh PAS adalah UMNO dan parti itu bertanding di mana UMNO bertanding.

Berjasa sedang berpecah dan mungkin kertas pencalonan Haji Hassan akan ditolak. Untuk mengelak kertas pencalonannya ditolak oleh Pengurus Pilihanraya, Haji Hassan dibenarkan bertanding atas tiket Barisan Nasional.

Ditanya sama ada Haji Hassan akan masuk UMNO selepas pilihanraya ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan beliau tidak dapat meramalkan perkara yang akan berlaku di masa depan.

Bagaimanapun, tambahnya, keadaan Berjasa yang kucar-kacir yang menyebabkan Haji Hassan dibenarkan bertanding atas tiket Barisan Nasional.

Timbalan Perdana Menteri optimis Barisan Nasional akan mencapai kejayaan yang membanggakan dalam pilihanraya 8 Julai ini.

Beliau memberitahu para pemberita di Ibu Pejabat UMNO, di sini, bahawa untuk memecahkan undi orang Melayu, PAS sanggup berbuat apa saja sekalipun ia bermakna bekerjasama dengan DAP.

"PAS sanggup melakukan perkara ini walaupun ia tahu bahawa DAP tidak menerima Dasar Ekonomi Baru," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyatakan kemungkinan DAP menghadapi perpecahan seterusnya berikutan tindakan keluar parti oleh beberapa orang pemimpin dan ahlinya.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang bertanding di kawasan Parlimen Kubang Pasu berkata Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Haji Mohd. Asri tidak mempunyai pendirian lagi dan juga tidak mempunyai sokongan di Kedah.

Datuk Asri bertanding di kawasan Parlimen Padang Terap, Kedah dan beliau ditentang oleh calon Barisan Nasional, Datuk Sri Syed Ahmad Shahabudin, Menteri Besar Kedah.

### Perangkap

Kata Timbalan Perdana Menteri: "Datuk Asri telah gagal di Kelantan dan Padang Terap akan menjadi perangkap kepadanya."

Menjawab satu pertanyaan berhubung dengan pertandingan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, Haji Hassan Adli atas tiket Barisan Nasional beliau menyatakan bahawa perkara tersebut adalah merupakan "special case".

Menurutnya, Haji Hassan sepatutnya bertanding atas tiket Berjasa tetapi Barisan ragu-ragu kepada

Menurutnya, walaupun kejayaan itu tidak akan lebih baik dari tahun 1974 tetapi keputusannya akan lebih baik dari pilihanraya tahun 1969.

Beliau menyangkal pendapat setengah kalangan yang merasakan pilihanraya ini tidak mempunyai kemeriahan kerana kerajaan mengharamkan rapat-rapat umum parti-parti yang bertanding.

Datuk Mahathir berkata perkara tersebut tidak benar kerana ceramah-ceramah sedang berjalan dengan meriah sekali sekarang.

Menurutnya, walaupun dalam tiap-tiap ceramah tidak ramai orang yang menghadirinya seperti rapat umum, tetapi jumlah ceramah yang diadakan adalah mencukupi untuk memberi penerangan kepada orang ramai.

"Ceramah sekarang diadakan dengan rancak dan sungguh menarik," ujarnya.

Mengenai banyaknya kertas-kertas pencalonan yang ditolak oleh Pengerus Pilihanraya di pusat-pusat penamaan calon semalam, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata calon pembangkang dan Barisan Nasional sama-sama mengalami perkara tersebut.